



KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

(Director General of Lands and Mines)

Aras 3 , Podium 1, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4

62574 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : +603-8871 2603

Faks : +603-8889 3855

Portal Rasmi : www.jkptg.gov.my

Ruj. Kami : JKPTG.BPPT.100-1/7/1 (2)

Tarikh : 22 September 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN FORMAT LAPORAN TANAH MENGIKUT URUSAN PERMOHONAN DI BAWAH PERUNDANGAN BERKAITAN TANAH DAN PENGGUNAANNYA DI SEMUA PENTADBIRAN TANAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dipanjangkan Garis Panduan seperti yang tersebut di atas untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan selanjutnya. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan, kertas kerja berkenaan Garis Panduan ini telah dibentang, dibincang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dengan Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri (TKPTG-TPTG) Bilangan 1/2022 pada 22 Februari 2022 dan Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) Bilangan 1/2022 pada 19 Mei 2022. Pada awalnya, format-format laporan tanah yang terkandung di dalam Garis Panduan ini telah digubal, dibincang dan dipersetujui dalam satu bengkel yang telah dianjurkan oleh Jabatan ini bersama-sama warga kerja pentadbiran tanah dari negeri-negeri termasuk wakil-wakil dari Kesatuan Penolong Pegawai Tanah Semenanjung Malaysia (KPPTSM).

3. Garis Panduan ini merupakan salah satu usaha untuk memastikan penyediaan laporan tanah yang disediakan oleh Pegawai Petempatan atau Penolong Pegawai Tanah adalah, lengkap, mudah dan telus. Justeru itu, Garis Panduan ini wajar dijadikan rujukan dan panduan dalam penyediaan laporan tanah. Laporan tanah yang berkualiti adalah merupakan satu keperluan untuk membantu dalam pembuatan keputusan yang melibatkan urusan tanah terutamanya pelupusan dan pembangunan sesuatu tanah sama ada bagi pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan, syarikat swasta atau individu.


4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan juga adalah dimohon untuk memanjangkan Garis Panduan ini kepada semua Pentadbir Tanah Daerah di negeri YBhg. Datuk/Dato'/Tuan. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)

s.k.:

1. YBrs. Tuan TKP (SKPP)
2. YBhg. Datuk TKP (SPO)
3. Semua Pengarah Bahagian, JKPTG Ibu Pejabat
4. Semua Pengarah JKPTG Negeri
5. PUU, JKPTG

SENARAI EDARAN:

1. Pengarah Tanah dan Galian Terengganu
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 7 & 11
Wisma Darul Iman
20576 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN
2. Pengarah Tanah dan Galian Pahang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang
Bangunan PTG
Bandar Indera Mahkota
25990 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
3. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri
No. Beg. Berkunci 39
Jalan Dato' Abdul Kadir
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
4. Pengarah Tanah dan Galian Johor
Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri Johor
Parcel 62H, West Wing
79000 Kota Iskandar, Nusajaya
JOHOR DARUL TAKZIM
5. Pengarah Tanah dan Galian Melaka
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Aras 2, Bangunan Wisma Negeri
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA
6. Pengarah Tanah dan Galian Kelantan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Blok 3, Tingkat Bawah
Kota Darulnaim, Jalan Kuala Krai
15503 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM

7. Pengarah Tanah dan Galian Kedah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Wisma Negeri
05576 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
8. Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 4
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
9. Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 21-22, Bangunan KOMTAR
10000 Jalan Penang
PULAU PINANG
10. Pengarah Tanah dan Galian Perak
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Bangunan Sri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN
11. Pengarah Tanah dan Galian Perlis
Jabatan Tanah dan Galian
Jalan Penjara
01000 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN
12. Pengarah Tanah dan Galian WPKL
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Aras G-4
Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR